

Korea Utara iktiraf pencapaian hebat PM

UM 24 DEC 2002

KUALA LUMPUR 23 Dis. — Republik Demokratik Rakyat Korea (Korea Utara) mengiktiraf pencapaian hebat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad yang berjaya mengekalkan kebebasan Malaysia sebagai negara berdaulat tanpa perlu tunduk kepada tekanan antarabangsa semasa krisis ekonomi dunia lima tahun lalu.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin Maidin berkata, pengiktirafan itu disampaikan oleh Delegasi Jawatankuasa Penerangan Korea Utara yang membuat kunjungan hormat ke atasnya di Wisma TV, Angkasapuri hari ini.

“Pengiktirafan oleh sebuah negara komunis itu dilihat sebagai satu pencapaian cemerlang Perdana Menteri kita terhadap usaha pemulihan ekonomi negara tanpa perlu mengikut terma yang ditetapkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF),” katanya pada sidang media selepas kunjungan hormat delegasi berkenaan.

Kunjungan itu diketuai oleh Timbalan Pengerusinya, Kim Pyong Ho, Timbalan Pengarah Sekretariat, Choe Chol Su dan Pegawai Sekretariatnya, Jon Min Dok.

Delegasi itu akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Keempat antara Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Korean Central TV Station (KCTS) membabitkan program yang berbentuk kesenian dan kebudayaan serta pertukaran berita melibatkan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Korean Central News Agency (KCNA).

Mereka akan berada di sini selama tiga hari dan akan membuat lawatan ke Filem Negara, Wisma Bernama dan juga Finas sepanjang mereka berada di sini.

Zainuddin berkata pengiktirafan berkenaan sepatutnya membanggakan rakyat Malaysia kerana ia diberikan oleh pemimpin dari negara yang masih kuat mengamalkan sistem pemerintahan komunis.

“Pengiktirafan itu sukar untuk diperolehi, malah ada rakyat negara kita sendiri yang menganggap negara kita masih belum bebas,” katanya.

Sementara itu, Zainudin berkata, kerajaan akan mendapatkan maklumat daripada agensi berita dari negara Asia lain bagi memastikan laporan berita yang disiarkan nanti seimbang dan tidak memihak kepada Barat semata-mata.

Menurutnya, negara perlu mendapatkan maklumat yang tepat daripada banyak sumber berita terutama dari negara Asia lain bagi menjamin kesahihan maklumat itu.